

# 'Anggun Che Sulong jenama diri saya'

SITI KHAIRULNISAH MOHAMMED BAJURI

**K**eenikan namanya menyebabkan Anggun Che Sulong Samsuri Mohamed, 40, sering jadi perhatian sejak kecil. Nama itu memiliki ciri klasik

Melayu dan berbeza dengan kebanyakan nama lelaki Melayu Muslim yang sebaya dengannya.

Katanya, nama itu diberikan sendiri oleh ayahnya.

"Pada mulanya ayah dan

mak nak namakan saya dengan nama lain. Entah macam mana boleh namakan saya Anggun Che Sulong ketika buat pendaftaran di balai polis," katanya.

Anak sulung daripada sembilan beradik ini berkata, nama itu dipilih mungkin kerana ayahnya terlalu meminati watak dalam satu kesusasteraan Melayu lama, berjudul *Hikayat Anggun Che Tunggal*.

"Sebab itulah ayah namakan saya Anggun Che Sulong, berbanding adik-beradik lain hanya dinamakan dengan nama biasa sahaja.

"Mungkin ayah mahu saya jadi orang baik dan berguna kepada masyarakat seperti watak hikayat kesusasteraan Melayu lama tu," katanya.

## Guru, rakan mudah ingat nama

Anggun Che Sulong berkata, disebabkan keenikan namanya itu juga, dia mudah diingati guru dan rakan sebaya ketika di bangku sekolah walaupun pada awalnya mereka pelik mendengar namanya.

"Sampai sekarang, ada cikgu masih ingat nama saya walaupun dah lama tak jumpa dan mereka kata, tiada nama tu selain saya."

"Sama juga dengan kawan sekuliah di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan tempat kerja lama juga ingat nama saya sehingga hari ini kerana ia sangat unik," katanya yang juga Pegawai Khas

Anggun Che Sulong bersama-sama isterinya, Siti Syuhairah Aman dan tiga anaknya.

**PROFIL**  
Nama: Anggun Che Sulong Shamsuri  
Umur: 40  
Asal: Kampung Simpang Empat, Tanjung Malim

Isteri: Siti Syuhairah Aman, 37  
Anak: Amir Danial, 9; Irham Danish, 7, dan Adam Dhani, 5  
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, UPM

Exco Kerajaan Perak, Datuk Rusnah Kassim.

Menurutnya, tiada rakan yang meng ejek namanya yang unik dan berbeza dengan orang lain itu.

## Tak mau tukar nama lain

Ditanya sama ada mahu menukar namanya kepada nama lain, Anggun Che Sulong berkata, dia tidak pernah terlintas mahu menukar namanya, kerana ia adalah dirinya se lain unik berbanding nama orang lain.

Menurutnya, ayahnya juga pernah bertanyakan soalan sama, tetapi dia tidak mahu menukar namanya kepada nama lain yang lebih komersial.

"Bagi saya, Anggun Che Sulong itu sudah unik buat diri saya, tak perlu ditukarkan kepada nama lain."

"Anggun Che Sulong dah jadi jenama diri saya sendiri," katanya yang turut ber terima kasih kepada ibu bapanya kerana memberikannya nama yang unik.



Keluarga besar Anggun Che Sulong.

**DENGARKAN CHEF DI KONTI**

**CHEF AZALIA**  
CHEF ALAF 21

**ADUNAN**

\*DISKAUN 25% DENGAN MENGGUNAKAN KOD INI:  
**ADUNAN**

**SLOT MENU SURIA**  
ISININ - JUMAT | 10AM - 1PM

**TARIKH** · **MASA** · **FREKUENSI**

**KHAMIS**  
28 SEPTEMBER 2017

11.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

**105.3FM LEMBAH KLANG**

**CEPAT & MUDAH**

Dapatkan buku ini dengan DISKAUN ISTIMEWA 25% menggunakan kod: **ADUNAN** dan hantarkan kepada 019-2297227 (Karangkraf Mall) melalui aplikasi WhatsApp

**ABANG BRIAN**  
DJ SURIA FM & MASTERCHEF

**SURIA**



Sebagai Pegawai Khas Kerajaan Negeri, Anggun Che Sulong (kiri) tak terkecuali turun padang melawat penduduk di sekitar kawasan Dun Behrang.